LAMPIRAN A

SIARAN PEMAKLUMAN DI PORTAL KOLEJ MATRIKULASI

"TUNTUTAN BAYARAN BALIK GANTI RUGI YANG TELAH DIBAYAR KERANA MENINGGALKAN KURSUS SEBELUM SEMPURNANYA KURSUS"

Untuk makluman, sekiranya tuan/puan merupakan bekas pelajar Program Matrikulasi KPM yang telah meninggalkan kursusnya dengan kebenaran Pengarah Kolej dan telah membayar ganti rugi yang dituntut secara penuh atau sebahagiannya, tuan/puan boleh mengemukakan permohonan lengkap bagi membuat tuntutan bayaran balik ganti rugi kepada pihak Kolej Matrikulasi. Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

A. Kelayakan Pemohon:

i. Pelajar yang meninggalkan kursusnya sebelum sempurnanya kursus dengan persetujuan pihak KERAJAAN secara bertulis; dan
ii. Telah membuat bayaran ganti rugi (sebahagian/penuh)

B. Dokumen Permohonan:

i. Surat Permohonan
ii. Salinan Surat Kelulusan Permohonan Meninggalkan Kursus
iii. Resit Rasmi (salinan asal)
iv. Salinan Kad Pengenalan
v. Salinan Penyata Bank / Buku Bank

C. Alamat Surat Menyurat:

Semua permohonan lengkap boleh dikemukakan ke alamat seperti berikut:

*** Pengarah**
Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor
Kementerian Pendidikan Malaysia
KM 5, Jalan Kukup, Mukim Rimba Terjun
82000 Pontian
Johor.

***Nota:** Permohonan dikemukakan kepada Kolej Matrikulasi yang berkenaan.

D. Tarikh Tutup Permohonan:

Permohonan boleh dibuat selewat-lewatnya pada **31 JULAI 2022**.